

# Percepat Majlis Pembangunan Malaysia-Venezuela – Abdullah

**CARACAS** 18 Dis. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu idea penubuhan Majlis Pembangunan Perniagaan Bersama Malaysia-Venezuela dipercepatkan pelaksanaannya bagi membuktikan bahawa jarak fizikal kedua-dua negara bukan halangan untuk Malaysia dan Venezuela memantapkan hubungan perdagangan dan pelaburannya.

Menurut Perdana Menteri, cadangan penubuhan majlis itu yang diutarakan ketika beliau mengadakan pertemuan dengan Presiden Venezuela, Hugo Chavez di Kuala Lumpur Ogos lalu dapat menggalakkan kerjasama komuniti perniagaan kedua-dua negara.

“Majlis itu dapat memudahkan usaha berkongsi kepakaran dan sumber-sumber. Ia boleh dibina berasaskan rangkaian kuat serantau dan global yang dinikmati oleh kedua-dua ekonomi,” kata Abdullah dalam ucapannya kepada para pemimpin perniagaan Venezuela di sini petang ini.

Beliau yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke negara Amerika Selatan ini yakin majlis yang dicadangkan penubuhannya itu boleh menjadi platform untuk memperluaskan peluang perdagangan dan pelaburan melampaui sempadan kedua-dua negara.

Um-19/12/2006  
**Majlis itu dapat memudahkan usaha berkongsi kepakaran dan sumber-sumber. Ia boleh dibina berasaskan rangkaian kuat serantau dan global yang dinikmati oleh kedua-dua ekonomi**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

Katanya: “Peluang berinteraksi dengan komuniti perniagaan Venezuela merupakan salah satu acara penting dalam lawatan saya ke negara yang hebat ini.

“Ia penting kerana, akhirnya, anggota-anggota sektor swasta yang akan menterjemahkan inisiatif kerajaan kepada realiti.”

Dalam lawatan itu yang dibuat bagi membalas kunjungan Presiden Chavez ke Kuala Lumpur, Perdana Menteri membawa bersama empat orang menteri Kabinet iaitu Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok.

Seramai 40 tokoh perniagaan mewakili 26 buah syarikat swasta turut serta dalam

lawatan itu termasuk Presiden Petronas, Tan Sri Hassan Merican.

Perdana Menteri berkata, dari segi pelaburan, pada masa ini Petronas sedang terlibat dalam pembelian dan pengedaran semula produk petroleum dari Venezuela.

Sebuah syarikat lain dari Malaysia juga terbabit dalam industri minyak dan gas.

Bagi syarikat-syarikat dari Venezuela pula, mereka mungkin boleh terlibat dalam bioteknologi, farmasuetikal, elektronik, minyak sawit, kayu dan galian bukan logam selain alat ganti dan komponen mesin dan jentera.

Abdullah juga mencadangkan perniagaan dalam sektor perkhidmatan diperluaskan untuk keuntungan bersama iaitu dalam bidang teknologi maklumat dan pelancongan.

Malaysia, katanya, harus menggunakan kekuatannya dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk membuka pelaburan dalam bidang ICT.

Dari segi peranan kerajaan, Abdullah memberitahu, kerajaan Malaysia dan Venezuela sedang menyiapkan Perjanjian Jaminan Pelaburan antara kedua-dua negara.

Sementara itu, dalam acara lain lawatannya ke Venezuela, Perdana Menteri mengunjungi Tugu Peringatan Simon Bolivar, iaitu pahlawan Venezuela yang berjuang membebaskan negara tersebut dan benua Amerika Selatan daripada penjajahan Sepanyol.

Abdullah kemudian mengetuai delegasi Malaysia mengadakan pertemuan dan mesyuarat dua hala dengan para pemimpin Venezuela di Istana Miraflores yang merupakan istana rasmi Presiden Chavez.

Perdana Menteri tiba di sini lewat petang semalam dan diberi sambutan negara yang disiarkan secara langsung oleh sebuah stesen televisyen Venezuela.

Esok, Abdullah akan dibawa menaiki helikopter melawat kawasan telaga minyak utama Venezuela yang terletak kira-kira 300 kilometer ke selatan Caracas.

– Utusan